


- 1 Ilmu ekonomi ialah bidang yang mengkaji cara manusia
- Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - Menggunakan tabungan untuk meningkatkan pendapatan pada masa depan
 - Menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara optimum
 - Menyeimbangkan pelbagai kehendak manusia dengan sumber ekonomi yang terhad
- 2 Pernyataan di bawah berkaitan dengan faktor pengeluaran.

Faktor pengeluaran X	Faktor pengeluaran Y
Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam aktiviti pengeluaran	Menyeraskan faktor pengeluaran lain dalam aktiviti pengeluaran

Apakah faktor pengeluaran X dan Y?

X	Y
Modal	Usahawan
Usahawan	Buruh
Buruh	Usahawan
Buruh	Modal

- 3 Rajah berikut menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang **tepat** apabila kombinasi pengeluaran bergerak daripada titik D ke E

- Semakin banyak barang X dikeluarkan dalam ekonomi
- Semakin banyak barang Y dikeluarkan dalam ekonomi
- Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
- Berlaku kemajuan tingkat teknologi pengeluaran

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem ekonomi.

Persaingan adalah secara bebas antara pengeluar untuk mencari keuntungan tanpa kawalan kerajaan.

Pernyataan manakah yang benar tentang sistem ekonomi tersebut?

- Harga barang ditetapkan oleh badan perancangan pusat
- Keputusan ekonomi selaras dengan hukum syarak
- Pilihan individu terhadap barang dan perkhidmatan adalah terhad
- Individu bebas memilih pekerjaan dan memiliki kekayaan

- 5 Maklumat berikut berkaitan masalah asas ekonomi

Syarikat AQ akan mengeluarkan permainan kanak-kanak sempena musim perayaan yang akan tiba pada bulan Disember nanti. Syarikat AQ telah menambah 10 orang pekerja dalam operasi pengeluarannya memandangkan permintaan yang tinggi menjelang musim tersebut.

Apakah masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan oleh Syarikat AQ?

- Apakah yang hendak dikeluarkan
- Bagaimana hendak dikeluarkan
- Untuk siapa hendak dikeluarkan
- Berapa yang hendak dikeluarkan


- 6 Pernyataan manakah **benar** tentang hukum permintaan?

- Sofea akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
- Fauzan akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang meningkat
- Syarikat Amir akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
- Syarikat Wafi akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang meningkat


- 7 Pilih pasangan yang betul tentang permintaan terhadap suatu barang di pasaran.

Penentu Permintaan	Keluk Permintaan
A Harga barang penggenap menurun	
B Kerajaan meningkatkan jumlah pelepasan cukai pendapatan individu	

- C Peningkatan dalam pendapatan individu




- D Harga barang dijangka meningkat pada masa depan



- 8 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu penawaran ikan.

Laut bergelora dengan ombak setinggi 4 meter berterusan sehingga minggu depan. Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil nelayan.

Apakah titik koordinat baharu kesan daripada tindakan penentu penawaran tersebut?



- 9 Manakah yang betul berkaitan keseimbangan pasaran?

- A Lebihan permintaan menyebabkan harga cenderung untuk menurun mencapai keseimbangan
- B Harga pasaran ditentukan melalui persilangan dua keluk penawaran dalam pasaran
- C Lebihan penawaran berlaku kerana kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawar pada setiap tingkat harga
- D Harga adalah tidak berubah jika kuantiti penawaran menyamai kuantiti permintaan

- 10 Jadual berikut berkaitan dengan harga dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (Unit)
2	8
4	20

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran tersebut jika harga meningkat?

- A 0.17
- B 0.67
- C 1.20
- D 1.50

- 11 Gambar di bawah berkaitan dengan suatu kemudahan deposit bank perdagangan.



Pilih ciri lain yang tepat menggambarkan kemudahan deposit tersebut.

- A Menawarkan kadar faedah yang lebih tinggi
- B Pemegang akaun boleh memohon kemudahan overdraf
- C Pendeposit tidak boleh memohon kad juruwang elektronik (ATM)
- D Hanya boleh mengeluarkan simpanan apabila tempoh matang

- 12 Syarikat manakah yang terlibat dalam sektor kedua?

Syarikat	Aktiviti utama
A Syarikat Kinda Holding	Merupakan pengeluar pelbagai barang elektrik jenama Kinda
B Syarikat Petrol Berhad	Mencari gali petroleum
C Syarikat Api Berhad	Menyediakan kemudahan pengangkutan darat dan laut
D Syarikat Mega Berhad	Menyediakan perkhidmatan perhotelan

13 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perkhidmatan bank perdagangan kepada pelanggan.

- Encik Tan membeli polisi insurans daripada Syarikat Corona Berhad dengan premium bulanan sebanyak RM450.
- Beliau mengarah Bank ABC Berhad membuat bayaran tersebut pada setiap 27 hari bulan .

Apakah perkhidmatan bank perdagangan tersebut?

- A Draf bank
B Debit langsung
C Pindahan kredit
D Perintah sedia ada

14 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Azlina bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Zakat	150
KWSP	200
Insurans	60
Sewa rumah	400
Cukai pendapatan	55

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Azlina?

- A RM405
B RM410
C RM 455
D RM465

15 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barang secara bayaran kredit?

- A Pengguna akan membayar harga yang lebih rendah
B Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
C Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
D Pengguna boleh menikmati diskon harga yang lebih banyak

16 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang konsep pengeluaran jangka pendek

- I Tempoh penubuhan firma kurang daripada satu tahun
II Firma mempunyai input tetap dan input berubah
III Firma akan menambahkan input tetap untuk meningkatkan output
IV Semua input yang dimiliki oleh firma ialah input berubah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 17 Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran suatu barang

Jumlah Keluaran (Unit)	Kos Purata (RM)
5	20
10	15

Jika kos tetap ialah RM70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- A RM 50
- B RM 80
- C RM 150
- D RM 220

- 18 Pernyataan berikut berkaitan dengan pengeluaran jangka pendek.

Kilang Baju KK menggunakan 20 orang pekerja untuk mengeluarkan 180 helai baju sehari.
Tambahkan 5 orang pekerja menyebabkan pengeluaran bertambah kepada 280 helai sehari.

Hitungkan berapakah keluaran marginal?

- A 10
- B 15
- C 20
- D 25

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Smartex Berhad

Syarikat Smartex Berhad mengeluarkan 8600 pasang kasut dan menjualnya dengan harga RM28 sepasang. Kos pengeluaran syarikat ialah:

Kos bahan mentah	RM58 200
Upah buruh	RM32 000
Sewa bangunan	RM12 500
Bil elektrik, air dan telefon	RM10 200

Berapakah jumlah untung Syarikat Delima Berhad pada bulan tersebut?

- A RM 127 900
- B RM 150 600
- C RM 181 800
- D RM 208 800

- 20 Apakah faedah sosial daripada pembangunan hutan kepada kawasan perindustrian?

- A Keperluan buruh kilang meningkat
- B Kadar pencemaran meningkat
- C Kesesakan lalu lintas meningkat
- D Penebangan hutan yang berleluasa

21 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?

- I Sebagai pengeluar dan majikan
 - II Mengawal selia pengeluar
 - III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
 - IV Mengeluarkan barang awam dan barang ekonomi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai kesan inflasi?

- I Pendapatan benar masyarakat menurun
 - II Golongan berpendapatan tetap akan menikmati keuntungan
 - III Isirumah cenderung membelanjakan wang untuk menabung
 - IV Perbelanjaan penggunaan bertambah untuk mengekalkan taraf hidup
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

- A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
- B Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain.
- C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi.
- D Pekerja menghadapi kekurangan kemahiran.

24 Pernyataan yang manakah yang membezakan antara cukai langsung dan cukai tak langsung?

	Cukai langsung	Cukai tak langsung
A	Dikenakan ke atas individu dan firma	Dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan
B	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
C	Kadar cukai bersifat regresif	Kadar cukai bersifat progresif
D	Contoh cukai jualan	Contoh cukai pintu

25 Maklumat berikut menunjukkan satu contoh perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Sebanyak RM 1.3. billion diperuntukkan kepada Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) untuk pembinaan rumah bagi isi rumah berpendapatan sederhana antara RM 2500 dan RM 10 000.

Sumber: *Ubah suai Lanorar Ekonomi 2015/2016*

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Bekalan dan perkhidmatan
- B Perkhidmatan ekonomi
- C Perkhidmatan sosial
- D Pentadbiran am

26 Manakah dasar kewangan yang wajar diambil oleh bank pusat untuk mengatasi masalah deflasi?

- A Mengetatkan syarat pinjaman
- B Membeli surat jaminan kerajaan
- C Menaikkan kadar rizab berkanun
- D Menaikkan kadar faedah pinjaman bank

27 Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada paras 3.9% dalam tempoh 8 bulan pertama 2017, berbanding 2.3% dalam tempoh masa yang sama tahun lalu.

Sumber: <http://bharian.com.my27/10/2017>

Apakah tindakan yang sesuai diambil oleh kerajaan untuk mengawal keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal	Kadar Cukai	Perbelanjaan Kerajaan
A	Mengembang	Naik	Turun
B	Menguncup	Turun	Naik
C	Mengembang	Turun	Naik
D	Menguncup	Naik	Turun

28 Antara berikut, yang manakah faktor-faktor penggalak globalisasi sesebuah negara?

- I Ekonomi negara yang semakin liberal
 - II Kewujudan pelbagai syarikat multinasional
 - III Wujudnya blok perdagangan antara wilayah dan rantau
 - IV Pelbagai sekatan ekonomi diperkenalkan oleh sesebuah negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan kuota dikenakan dalam perdagangan antarabangsa?

- A Meningkatkan penawaran barang import
- B Melindungi industri tempatan
- C Menjamin keselamatan negara

D Menambahkan hasil kerajaan

- 30 Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu perjanjian perdagangan.

Perjanjian ini dibuat oleh Asia Tenggara (ASEAN) untuk pengeluaran tempatan semua negara yang terlibat.

Antara berikut, yang manakah merupakan perjanjian perdagangan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- A Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik
 - B Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
 - C Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun
 - D Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia
- 31 Apakah komposisi eksport nampak Malaysia?
- A Kereta Ferrari buatan negara Itali
 - B Jualan minyak sawit Malaysia di Australia
 - C Perkhidmatan Penerbangan MAS ke Vietnam
 - D Konsert kumpulan k-Pop Super Junior dari Korea Selatan
- 32 Antara berikut, yang manakah yang merupakan kesan defisit akaun semasa?
- I Penurunan dalam pendapatan negara
 - II Penurunan guna tenaga
 - III Peningkatan taraf hidup
 - IV Peningkatan kadar pertukaran asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (US\$).

RM 1.00 = US\$0.27

Berapakah nilai suatu barang dalam Ringgit Malaysia jika barang tersebut bernilai US\$9 650 ?

- A RM2 605.50
- B RM3 574.17
- C RM9 650.00
- D RM35 740.74

Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Hubungan antara harga dan kuantiti ditawar adalah positif.
II Hubungan positif ini digambarkan oleh keluk penawaran yang mencerun keatas dari kiri kekanan.
- 35 I Nilai pekali keanjalan harga permintaan melebihi satu adalah anjal.
II Barang keperluan adalah contoh barang anjal.
- 36 I Keperluan adalah sesuatu yang dipenuhi terlebih dahulu.
II Contoh keperluan ialah tepung gandum.
- 37 I Bayaran secara tunai mengalakkkan pembeli berbelanja secara berhemah.
II Pembeli senang mendapat perkhidmatan selepas jualan.
- 38 I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan.
II Peningkatan produktiviti akan menggambarkan tingkat pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.
- 39 I Syarikat multinasional ialah firma yang beroperasi di beberapa negara secara serentak.
II Axiata Group Berhad merupakan syarikat multinasional.
- 40 I Perdagangan antarabangsa melibatkan aktiviti import dan eksport sahaja.
II Pengguna dapat menikmati pilihan barang yang pelbagai melalui aktiviti perdagangan antarabangsa.

KERTAS SOALAN TAMAT